

Keberkesanan Model Responseto-Intervention (RTI) dalam menyelesaikan masalah matematik berayat murid sekolah rendah

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan mengenal pasti sama ada pengajaran menyelesaikan masalah matematik berayat menggunakan model Response-to-Intervention (RTI) dapat meningkatkan pencapaian murid berprestasi rendah. Kajian kes ini dijalankan dengan melibatkan sembilan orang murid di sebuah sekolah rendah luar bandar di Miri Sarawak. Mereka mengikuti intervensi 17 siri yang dikendalikan oleh penyelidik. Data pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen diperoleh telah dianalisis mengikut Model Klasifikasi Empirik Nitsa Movshovitz-Hadar yang telah diubah suai terdiri daripada kesilapan, sama ada jenis kesilapan menggunakan nombor, kesalahan mentafsir bahasa, membuat pasangan nombor tidak tepat, salah konsep nilai tempat dan nilai digit, penyelesaian yang tidak diteruskan atau kesilapan teknikal. Daripada analisis yang telah dijalankan, kesilapan yang paling kerap dilakukan oleh peserta ialah kesilapan mentafsir bahasa.